



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENERIMAAN NILAI MORAL DALAM KALANGAN PELAJAR  
PENDIDIKAN MORAL DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI SABAH***

***NOOR ZULINA S DE ASILDO***

**FPP 2015 9**



**PENERIMAAN NILAI MORAL DALAM KALANGAN PELAJAR  
PENDIDIKAN MORAL DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI SABAH**

**Oleh**

**NOOR ZULINA S DE ASILDO**

**Tesis Yang Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

**April 2015**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



**Penerimaan Nilai Moral Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Moral Di Sebuah Sekolah Menengah Di Sabah**

**Noor Zulina S De Asildo**



**Ijazah Master Sains  
Universiti Putra Malaysia  
2015**

Tesis ini bertujuan untuk meneroka dan memerihalkan fenomena pemahaman nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan pelajar Pendidikan Moral di sebuah sekolah menengah di Sabah. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kaedah temubual separa berstruktur dan analisis dokumen digunakan untuk menjawab tiga persoalan kajian iaitu (1) Apakah pemahaman murid tentang nilai-nilai moral dalam Pendidikan Moral? (2) Bagaimana penerimaan murid terhadap nilai moral dalam Pendidikan Moral? dan (3) Bagaimana nilai-nilai moral dihayati oleh murid dalam kehidupan seharian? Tema-tema yang ditentukan sebagai dapatan kajian ini diperoleh melalui proses pengkodan dan pengkategorian tema berdasarkan transkrip temubual dan dokumen. Tema-tema dianalisis menggunakan kaedah manual di samping bantuan perisian Atlas t.i. Dapatan bagi persoalan kajian pertama dikelompokkan dalam tiga tema utama iaitu panduan tentang perkara yang betul atau salah, alat untuk mencapai kesejahteraan diri dan masyarakat dan relevan dengan amalan seharian. Dapatan kajian bagi persoalan kedua pula dikategorikan kepada tiga tema utama iaitu keperluan peribadi, kepatuhan serta kesejagatan. Dapatan kajian bagi persoalan ketiga pula diperihalkan dalam tiga tema utama iaitu memahami nilai moral, menerima nilai moral dan mengamalkan nilai moral. Kesimpulannya, kajian ini penting untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada asas teori kajian ini di mana fenomena penerimaan nilai moral dilihat sebagai terbentuk dari latar belakang sosial dan pengalaman hidup murid. Oleh itu, penerimaan nilai moral adalah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian lebih oleh guru dalam membantu penghayatan nilai moral berlaku dengan lebih baik dalam kalangan pelajar Pendidikan Moral yang mempunyai kepelbagaian latar belakang sosial dan pengalaman hidup.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENERIMAAN NILAI MORAL DALAM KALANGAN PELAJAR  
PENDIDIKAN MORAL DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI SABAH**

Oleh

**NOOR ZULINA S DE ASILDO**

April 2015

**Pengerusi : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian yang mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes ini dijalankan untuk meneroka dan memerihalkan fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral di sebuah sekolah menengah di Sabah. Seramai 4 orang murid yang dipilih berdasarkan persampelan bertujuan terlibat sebagai peserta kajian dan 2 orang guru Pendidikan Moral turut ditemubual sebagai sokongan kepada jawapan murid. Kajian ini menggunakan kaedah temubual separa berstruktur dan analisis dokumen untuk menjawab tiga persoalan kajian iaitu (1) Apakah pemahaman murid tentang nilai-nilai moral dalam Pendidikan Moral? (2) Bagaimana penerimaan murid terhadap nilai-nilai moral dalam Pendidikan Moral? (3) Bagaimana nilai-nilai moral dihayati oleh murid dalam kehidupan seharian? Tema-tema yang ditentukan sebagai dapatan kajian ini diperolehi dengan melakukan proses pengekodan dan pengkategorian tema berdasarkan transkrip temubual dan dokumen yang dianalisis menggunakan kaedah biasa di samping bantuan perisian Atlas t.i. Dapatan kajian bagi persoalan pertama diperihalkan berdasarkan tiga tema utama iaitu panduan tentang perkara yang betul atau salah, alat untuk mencapai kesejahteraan diri dan masyarakat serta relevan dengan amalan seharian. Dapatan bagi persoalan kajian kedua pula menemukan tiga tema utama iaitu keperluan peribadi, kepatuhan serta kesejagatan. Dapatan persoalan kajian ketiga pula menggambarkan pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan murid diterjemahkan menerusi penghayatan nilai-nilai moral dalam kehidupan seharian. Penghayatan nilai-nilai moral digambarkan dalam tiga tema utama iaitu memahami nilai moral, menerima nilai moral dan mengamalkan nilai moral. Ringkasnya, pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya perlu diambil kira dari perspektif murid yang mempunyai pelbagai latar belakang sosial dan pengalaman hidup untuk memastikan murid dapat menghayati nilai-nilai moral yang dipelajari melalui pemahaman, penerimaan dan amalan nilai-nilai moral dalam kehidupan. Oleh itu, amalan pengajaran dan pembelajaran serta pelaksanaan Pendidikan Moral di Malaysia khususnya perlu menghargai pandangan dan pengalaman murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science.

**ACCEPTANCE OF MORAL VALUES AMONG MORAL EDUCATION  
STUDENTS IN A SECONDARY SCHOOL IN SABAH**

By

**NOOR ZULINA S DE ASILDO**

**April 2015**

**Chairman : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

This qualitative approach with case study design was conducted to explore and describe the phenomenon of understanding moral values and the acceptance among Moral Education students in a secondary school in Sabah. A total of 4 students are selected based on purposive sampling involved as participants in the study and 2 Moral Education teachers were interviewed in support of the students' answers. This study used semi-structured interviews and document analysis to answer three research questions: (1) What are the pupils' understanding of moral values in Moral Education? (2) How does the students' acceptance of moral values in Moral Education? (3) How moral values are embraced by the students in their daily lives? The themes in this case study were obtained from the process of coding and categorizing of themes based on the transcript of interviews and analysis of documents using the common analysis approach and Atlas t.i application. The findings of the first issue are described by three main themes of guidelines on what is right or wrong, a tool to achieve personal and community wellness and their relevance in daily practice. The result for the second research question found three themes, namely, personal needs, compliance and universality. The findings of the third research question reflect an understanding of moral values and acceptance among students translated into an appreciation of moral values in everyday life. Appreciation of moral values are reflected in the three main themes, namely to understand the moral values, accept moral values and practice moral values. In short, the perception of moral values and acceptance should be considered from the perspective of students with diverse social backgrounds and life experiences to ensure that students can appreciate the moral values learned through the understanding, acceptance and practice of moral values in life. Thus, the practice of teaching and learning and the implementation of Moral Education in Malaysia need to appreciate the views and experiences of students in teaching and learning of Moral Education.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya saya dapat menyelesaikan penulisan ilmiah ini dengan jayanya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia tesis ini, Dr. Nur Surayyah Madhubala Abdullah atas dedikasi dan kesabaran beliau dalam memberikan bimbingan, bantuan dan sokongan sepanjang tempoh saya melengkapkan tesis ini. Saya juga turut merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Nor Wahiza Abdul Wahat yang telah sudi memberikan komen bernas dalam memperbaiki penulisan tesis saya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah lain iaitu Dr. Othman Talib, P.M Dr. Aminuddin Hassan, Dr. Roselan Baki dan Prof. Maimunah Ismail yang sudi berkongsi ilmu penyelidikan serta memberi tunjuk ajar yang tidak terbatas kepada saya dalam menyelesaikan penulisan ini. Tidak lupa juga buat para penilai tesis ini, Prof. Chang Lee Hoon, P.M Dr. Jamaludin Ahmad dan P.M Dr. Habsah Ismail yang telah melaksanakan penilaian dengan teliti dan memberikan komen yang sangat membantu dalam usaha mempertingkatkan mutu penulisan tesis saya. Segala pengorbanan dan ilmu yang kalian curahkan tidak ternilai harganya.

Saya juga berterima kasih kepada semua peserta kajian yang sudi memberikan kerjasama dalam menyempurnakan kajian ini. Penghargaan saya juga ditujukan kepada ibu saya, Nurhaedah Sining dan bapa, Noe S De Asildo Jr. @ Dzulkarnain Abdullah serta ahli keluarga yang tidak putus-putus mendoakan saya. Terima kasih juga atas pengertian dan pengorbanan suami, Mohd Sukri Jaafar serta anak-anak, Iman, Kaisah dan Syahmi yang sanggup berjauhan hingga saya menyiapkan penulisan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang banyak membantu dan berkongsi ilmu dengan saya serta pihak KPM yang sudi memberikan peluang dan tajaan kepada saya untuk menyambung pengajian.

Akhir sekali, terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Hanya Allah sahaja mampu membalas kebaikan anda semua.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 28 April 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Noor Zulina Binti S De Asildo bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Penerimaan Nilai Moral Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Moral di Sebuah Sekolah Menengah di Sabah” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Habsah Bt. Ismail, PhD**

Professor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Hj. Jamaludin Bin Ahmad, PhD**

Professor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Chang Lee Hoon, PhD**

Professor  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Professor dan Timbalan Dekan,  
Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh: 17 Jun 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nor Wahiza Abdul Wahat, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**  
Professor dan Dekan,  
Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia.

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Noor Zulina S De Asildo (GS 33610)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_



## SENARAI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PERAKUAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	vi
<b>SENARAI GAMBARAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
	xiii

### BAB

#### 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.1.1	Senario Pendidikan Moral Di Malaysia	3
1.1.2	Pendidikan Moral Di Sabah	6
1.2	Pernyataan Masalah	7
1.3	Persoalan Kajian	9
1.4	Signifikan Kajian	9
1.5	Batasan Kajian	10
1.6	Definisi Istilah	10
1.6.1	Pemahaman Nilai-nilai Moral	11
1.6.2	Penerimaan Nilai-nilai Moral	11
1.6.3	Penghayatan Nilai-nilai Moral	11
1.6.4	Kesejagatan	11
1.7	Rumusan	12

#### 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Nilai Moral dan Kemoralan	13
2.2.1	Perspektif Falsafah, Agama dan Kepercayaan	13
2.2.1.1	Panduan Dalam Menentukan Tindakan Bermoral	15
2.2.1.2	Tindakan Bermoral Adalah Berdasarkan Kepada Pertimbangan dan Matlamat Individu Mengikut Situasi	16
2.2.2	Perspektif Perkembangan Moral	18
2.2.3	Kajian Lepas tentang Penerimaan Nilai-nilai Moral	20
2.3	Asas Teori Kajian	24
2.3.1	Teori Kemoralan Sosial dan Etika Keperibadian Mulia	24
2.3.2	Teori Nilai (Shalom H. Schwartz, 1992)	26
2.3.3	Teori Taksonomi Afektif (Bloom, Krathwohl & Masia, 1964)	26
2.3.4	Teori Ekologi Sistem (Urie Bronfenbrenner)	28
2.4	Kerangka Asas Kajian	29
2.5	Rumusan	30

<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	31
3.2	Pendekatan Kajian	31
3.3	Reka Bentuk Kajian	31
3.4	Persampelan	33
	3.4.1 Kriteria Pemilihan Peserta Kajian	34
	3.4.2 Penentuan Lokasi Kajian	36
	3.4.3 Jangkamasa Kajian	36
3.5	Pengumpulan Data	36
	3.5.1 Proses Pengumpulan Data	36
	3.5.2 Kaedah Pengumpulan Data	37
	3.5.2.1 Temubual Sebagai Kaedah Pengumpulan Data	37
	3.5.2.2 Analisis Dokumen Sebagai Kaedah Pengumpulan Data	39
	3.5.3 Alat Kajian	39
	3.5.3.1 Protokol Temubual Sebagai Alat Kajian	40
3.6	Analisis Data Dan Interpretasi	40
	3.6.1 Pengurusan Data	41
	3.6.2 Penulisan Transkrip Temubual	41
	3.6.3 Analisis Temubual dan Dokumen	42
	3.6.4 Proses Pembentukan Tema atau Kategori	42
	3.6.5 Penulisan Laporan Akhir	44
3.7	Kajian Rintis	44
3.8	Isu Etika	45
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	46
	3.9.1 Jejak Audit	47
	3.9.2 Pengehasan Peserta kajian (Member Checking)	47
	3.9.3 Pemeriksaan Rakan Sekerja (Peer Examination/ Review)	47
	3.9.4 Triangulasi	48
3.10	Mengelak Bias Pengkaji	49
3.11	Rumusan	49
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	51
4.2	Profil Peserta Kajian	51
	4.2.1 Latar Belakang Murid	52
	4.2.2 Latar Belakang Guru	53
4.3	Pemahaman Murid Tentang Nilai-nilai Moral dalam Pendidikan Moral	54
	4.3.1 Panduan Tentang Perkara yang Betul atau Salah	55
	4.3.2 Alat untuk Mencapai Kesejahteraan Diri dan Masyarakat	57
	4.3.3 Relevan dengan Amalan Sehari-hari	58
4.4	Penerimaan Murid Terhadap Nilai-nilai Moral dalam Pendidikan Moral	62
	4.4.1 Keperluan Peribadi	62
	4.4.2 Kepatuhan	64
	4.4.3 Kesejagatan	65
4.5	Penghayatan Murid Terhadap Nilai-nilai Moral	

	Dalam Pendidikan Moral dalam Kehidupan Sehari-hari	70
4.5.1	Memahami Nilai Moral	70
4.5.2	Menerima Nilai Moral	72
4.5.3	Mengamalkan Nilai Moral	73
4.6	Rumusan	76
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pendahuluan	77
5.2	Ringkasan	77
5.3	Rumusan	78
5.4	Implikasi Kajian	79
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori dan Asas Kajian	79
5.4.2	Implikasi Terhadap Amalan	81
	5.4.2.1 Implikasi Terhadap Guru dan Murid: Pendekatan dan Kaedah Pengajaran Pendidikan Moral serta Penglibatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral	81
	5.4.2.2 Implikasi Terhadap Pihak Pentadbiran Sekolah dan Kementerian	82
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	83
5.6	Penutup	83
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	85
	<b>LAMPIRAN</b>	95
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	107

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Peratus Bilangan Penduduk Berdasarkan Kumpulan Agama Mengikut Negeri di Malaysia Mengikut Bancian Tahun 2010	4
2 Penduduk Sabah Mengikut Pecahan Etnik dalam Banci 2010	6
3 Bilangan guru dan murid Pendidikan Moral tingkatan empat dan lima mengikut negeri	7
4 Teori Nilai Schwartz (1992)	26
5 Kronologi Pengumpulan Data	33
6 Profil dan Latar Belakang Murid	52
7 Profil dan Latar Belakang Guru	54



## SENARAI GAMBARAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1 Aras dan Kontinum Dalam Taksonomi Bloom dan Domain Krathwohl (S. Bloom et al., 1973)	27
2 Kerangka Asas Kajian	29
3 Ringkasan Dapatan Bagi Persoalan Kajian Pertama (Pemahaman Murid Tentang Nilai-nilai Moral dalam Pendidikan Moral)	62
4 Ringkasan Dapatan Bagi Persoalan Kajian Kedua (Penerimaan Murid Terhadap Nilai-nilai Moral dalam Pendidikan Moral)	69
5 Ringkasan Dapatan Bagi Persoalan Kajian Ketiga (Penghayatan Murid Terhadap Nilai-nilai Moral dalam Pendidikan Moral dalam Kehidupan)	76

## SENARAI SINGKATAN

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
MIM	Modal Insan Menyeluruh
JKE	Jawatankuasa Etika
CPM	Calon Pendidikan Moral
GPM	Guru Pendidikan Moral

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Pendidikan Moral merupakan salah satu mata pelajaran dalam program pendidikan nilai di Malaysia khususnya untuk murid bukan Islam. Program ini bermatlamat untuk melahirkan murid bukan Islam yang mempunyai penghayatan nilai-nilai moral melalui amalan nilai-nilai moral dalam kehidupan seharian. Dalam konteks matlamat ini, objektif utama pengajaran dan pembelajaran (P&P) Pendidikan Moral adalah untuk memastikan pelajar yang mengambil Pendidikan Moral memahami dan menerima nilai-nilai moral yang dipelajari. Pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya penting agar pelajar dapat mengamalkannya dalam kehidupan seharian sekaligus menunjukkan bahawa penghayatan nilai-nilai moral telah berlaku (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Oleh itu, keberkesanan Pendidikan Moral untuk menghasilkan pelajar yang berakhlak mulia dan bermoral terletak pada penghayatan serta amalan nilai moral yang dipelajari oleh murid dalam kelas Pendidikan Moral. Sehubungan itu, fokus kajian dalam tesis ini adalah untuk meneroka fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang mempelajari Pendidikan Moral khususnya di Sabah.

Penerokaan terhadap fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan pelajar menjadi fokus kajian ini kerana mengambil kira dasar-dasar pendidikan negara yang menekankan kepada pembangunan modal insan melalui penghayatan dan amalan nilai. Penekanan ini terkandung dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang berhasrat untuk melahirkan warganegara Malaysia dengan penghayatan nilai melalui pengukuhan mata pelajaran Pendidikan Islam dan Moral di sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). PPPM turut memberi fokus kepada usaha untuk mewujudkan satu set prinsip, termasuk nilai bersama yang menjadi pegangan kukuh semua rakyat Malaysia ke arah membentuk identiti nasional yang sama. Dalam konteks Pendidikan Moral di Malaysia, murid yang mempelajarinya terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial seperti agama, budaya dan pengalaman hidup. Oleh itu, mewujudkan satu set prinsip dan nilai bersama merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi dalam pelaksanaan Pendidikan Moral di sekolah.

Di samping itu, mengambil kira bahawa murid yang mempelajari Pendidikan Moral mempunyai perbezaan latar belakang sosial dan pengalaman hidup (Vishalache, 2009a), maka pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya juga mungkin berbeza (Tan Bee Chu & Maridah, 2009). Oleh itu, satu kajian diperlukan untuk memberikan kefahaman tentang fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan murid yang mempelajari Pendidikan Moral melalui penerokaan dari perspektif pengalaman murid. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menyumbang kepada peningkatan keberkesanan Pendidikan Moral untuk mencapai objektif PPPM dengan meneroka pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan murid melalui pendekatan yang digunakan khususnya dalam proses pengajaran dan

pembelajaran Pendidikan Moral dalam kelas dan juga dalam kehidupan sebenar murid amnya.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Nilai merupakan satu elemen penting yang perlu difahami oleh pendidik dan murid yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan program pendidikan moral di sekolah. Walaupun program pendidikan moral dikenali dengan nama yang berbeza (Berkowitz, 2011) seperti pendidikan nilai, pendidikan karakter dan pendidikan sivik (Lovat, Clement, Dally, & Toomey, 2010b; Marshall, Caldwell, & Foster, 2011; Tan, 2008), tetapi fokus utama pelaksanaan program pendidikan moral di sekolah adalah untuk membentuk individu yang bermoral dan berakhlak mulia melalui proses pemupukan dan penghayatan nilai (Haydon, 2004; Huang, 2011). Pembentukan individu yang bermoral dan berakhlak mulia turut ditekankan oleh beberapa teori asas tentang kemoralan seperti teori kemoralan sosial di mana nilai yang menjadi pegangan individu dianggap bermoral selagi tidak bercanggah dengan peraturan sesebuah kelompok masyarakat (Schwartz, 2007).

Dalam konteks teori kemoralan sosial ini, peraturan masyarakat merupakan kriteria penentuan insan bermoral yang sangat penting. Teori perkembangan moral kognitif yang diasas dan dikembangkan oleh Kohlberg dan Piaget juga turut mengambil kira peraturan masyarakat sebagai salah satu kriteria penentuan insan bermoral (Gibbs, Basinger, Grime, & Snarey, 2007). Walaubagaimana pun, setiap kelompok masyarakat mempunyai peraturan sosial yang berbeza berasaskan agama, kepercayaan dan budaya masing-masing (Schwartz, 2007). Perbezaan ini menggambarkan bahawa pembentukan insan bermoral juga perlu mengambil kira kepelbagaian pegangan nilai setiap kelompok masyarakat. Hal ini demikian kerana perbezaan latar belakang sosial seperti agama, kepercayaan dan budaya masyarakat boleh memberikan pemahaman dan penerimaan yang berbeza terhadap nilai-nilai moral.

Selain itu, penumpuan kepada proses pemupukan dan penghayatan nilai menggambarkan bahawa pendidikan nilai memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan peribadi pelajar dan masyarakat (Berkowitz & Bier, 2007; Berkowitz, 2011). Begitu juga dalam teori etika keperibadian mulia yang menyatakan bahawa pendidikan nilai merupakan satu bentuk latihan moral untuk melahirkan insan bermoral. Pandangan ini mempunyai persamaan dengan beberapa agama utama di Malaysia misalnya agama Islam yang menyatakan bahawa akhlak dan tingkah laku moral boleh dibentuk melalui rangsangan persekitaran hingga menjadi kebiasaan yang diamalkan dalam kehidupan (Abdul Hafiz, Zakaria, & Ahmad, 2012; Abdul Rahman, 1999; Cheung & Lee, 2010). Kepelbagaian pandangan tentang kepentingan pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam membentuk insan bermoral ini sangat penting. Aspek ini perlu diberikan tumpuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral kerana ia merupakan asas untuk pelajar memahami dan menerima konsep nilai-nilai moral yang dipelajari.

Dalam konteks Malaysia, pendidikan nilai pada era penjajahan British dilaksanakan dalam bentuk pengajaran etika di sekolah-sekolah Inggeris dan Melayu secara tidak formal dalam kurikulum mata pelajaran di sekolah (Rahimah, 1998). Kepentingan pendidikan nilai juga digambarkan melalui pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) di peringkat sekolah rendah dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) di peringkat sekolah menengah. Pelaksanaan KBSR dan KBSM menumpukan kepada pengukuhan asas pendidikan nilai yang berteraskan kepada pendidikan karakter dalam sistem pendidikan kebangsaan (Peter, Rohana, & Amirmudin, 2011; Rahimah, 1998). Kepentingan nilai dalam pendidikan juga telah diberikan perhatian semasa pengenalan Akta Pendidikan 1996 melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dengan memberikan fokus untuk membentuk insan yang seimbang dan harmonis berteraskan penghayatan nilai-nilai kerohanian dan moral. Oleh itu, bagi memastikan pendidikan nilai mencapai matlamatnya seperti yang termaktub dalam FPK, pendidikan nilai turut dilaksanakan dalam bentuk lain seperti Pendidikan Islam serta pendidikan nilai merentas kurikulum dan kokurikulum (Abd. Rahim, 1993; Bambang, Lokman, & Mohd Anuar, 2012).

Dalam konteks Pendidikan Moral di Malaysia pula, nilai-nilai yang dipelajari oleh murid yang bukan beragama Islam tidak berasaskan kepada nilai kerohanian semata-mata. Pendidikan Moral dilihat sebagai salah satu program yang diharapkan dapat mengatasi kekurangan tumpuan kepada pengajaran nilai-nilai untuk melahirkan murid yang berakhlak mulia dalam Kurikulum Lama (Noraha, 2005). Selain itu, Pendidikan Moral juga diperkenalkan berikutan kebimbangan masyarakat terhadap peningkatan masalah disiplin dan akhlak dalam kalangan murid (Abd. Rahim, 1993; Bambang, Lokman, & Mohd Anuar, 2012). Mata pelajaran Pendidikan Moral turut dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang diuji dalam peperiksaan agar dilihat sebagai satu mata pelajaran yang penting. Walaubagaimana pun, pengujian dalam peperiksaan menimbulkan isu lain berkaitan kandungan dan cara penyampaian yang didapati sangat rigid dan berbentuk indoktrinasi (Bambang et al., 2012; Rahimah, 1998) hingga mengabaikan hasrat untuk membentuk insan bermoral. Tambahan pula, pengujian dalam peperiksaan menyebabkan tumpuan berlebihan kepada aspek pemahaman nilai-nilai moral sahaja (Wan Hasmah, 2003) tanpa mengambil kira penerimaan pelajar terhadap nilai-nilai moral yang dipelajari.

### **1.1.1 Senario Pendidikan Moral Di Malaysia**

Pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya menjadi fokus utama pelaksanaan Pendidikan Moral khususnya di Malaysia. Kepentingan pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya khususnya dalam kalangan pelajar merupakan salah satu matlamat Pendidikan Moral yang diperkenalkan di bawah KBSM. Penumpuan kepada pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan pelajar dapat dilihat dalam salah satu matlamat Pendidikan Moral iaitu untuk membentuk manusia yang berperibadi mulia melalui pemupukan, penghayatan dan amalan nilai-nilai moral (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000b). Matlamat ini boleh dicapai sekiranya salah satu indikator kejayaan pelaksanaan Pendidikan Moral di Malaysia iaitu pelajar dapat memahami, menerima dan mengamalkan nilai-nilai moral yang dipelajari dalam kehidupan seharian dipenuhi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Ekspektasi ini menggambarkan bahawa pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya juga boleh mempengaruhi amalan nilai-nilai moral dalam kehidupan. Perkara ini turut dinyatakan dalam teori Bloom Domain afektif (1964) yang meletakkan bahawa aras penerimaan nilai penting untuk membolehkan murid menghayati nilai dan dapat membentuk perwatakan murid berdasarkan pegangan sesuatu nilai (Bloom, Krathwohl, & Masia, 1973). Matlamat agar murid dapat menerima nilai-nilai moral yang disampaikan juga penting kerana pengajaran nilai-nilai moral melibatkan proses pemindahan nilai kepada murid (Barni, Ranieri, Scabini, & Rosnati, 2011; Wubbels, 2012).

Justeru, guru khususnya memerlukan pemahaman yang jelas tentang nilai-nilai moral dalam pelbagai aspek yang mengaitkannya dengan kemoralan dan perkembangan moral murid. Penekanan kepada aspek pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan pelajar sangat penting khususnya dalam konteks Pendidikan Moral di Malaysia kerana pelajar Pendidikan Moral adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman hidup berasaskan agama, kepercayaan, ideologi dan fahaman masyarakatnya sepanjang membesar. Jadual 1 menunjukkan statistik kepelbagaian latar belakang agama dan kepercayaan penduduk di lima negeri di Malaysia yang mempunyai penduduk bukan Islam yang paling ramai.

**Jadual 1 : Peratus bilangan penduduk berdasarkan kumpulan agama mengikut negeri di Malaysia mengikut bancian tahun 2010**

<b>AGAMA NEGERI</b>	<b>ISLAM</b>	<b>KRISTIAN</b>	<b>BUDDHA</b>	<b>HINDU</b>	<b>LAIN-LAIN</b>
Sarawak	32.2%	42.6%	13.5%	0.2%	11.5%
Sabah	65.4%	26.6%	6.0%	0.1%	1.9%
Kuala Lumpur	46.4%	5.8%	35.7%	8.5%	3.6%
Pulau Pinang	44.6%	5.1%	35.6%	8.7%	6.0%
Johor	58.2%	3.3%	29.6%	6.6%	2.3%

**Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia 2010**

Kepelbagaian latar belakang dan pengalaman hidup dalam kalangan murid menyebabkan mereka mempunyai pelbagai perspektif tentang pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya (Wubbels, 2012). Kepelbagaian perspektif pelajar tentang pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam konteks Pendidikan Moral di Malaysia juga menimbulkan ketidakpastian tentang matlamat untuk melahirkan pelajar yang dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai moral dalam kehidupan. Murid berkemungkinan mempunyai perspektif tersendiri tentang konsep nilai-nilai moral yang dipupuk oleh ahli keluarga (Kochanska, Koenig, Barry, Kim, & Yoon, 2010). Guru juga mempunyai pandangan dan perspektif mereka sendiri tentang konsep nilai-nilai moral kerana latar belakang dan pengalaman mengajar Pendidikan Moral yang berbeza.

Kepelbagaian latar belakang sosial dan pengalaman hidup yang berbeza antara murid dan guru boleh menyebabkan proses pemindahan dan pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan murid juga berbeza. Oleh itu, guru perlu mengambil kira perbezaan pelbagai agama, kepercayaan, ideologi dan fahaman tentang nilai-nilai moral dalam kalangan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral (Barni, Ranieri, Scabini, & Rosnati, 2011). Tindakan ini boleh membantu guru mendapatkan perspektif lebih luas tentang pengertian nilai-nilai moral dalam kalangan pelajar (LePage et al., 2011) selain membantu pelajar untuk menghadapi isu, masalah, konflik dan dilema moral berdasarkan pengalaman sebenar mereka dalam kehidupan (Vishalache, 2009b; Wubbels, 2012).

Oleh hal yang demikian, pelaksanaan Pendidikan Moral yang berhasrat untuk membolehkan pelajar mengamalkan nilai-nilai moral dalam kehidupan seharian masih memerlukan penambahbaikan dalam pelbagai aspek khususnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (Abd. Shatar, 2007). Hal ini kerana pengenalan mata pelajaran Pendidikan Moral sebagai salah satu mata pelajaran yang wajib diuji dalam peperiksaan telah menyebabkan penyampaiannya lebih berbentuk indoktrinasi dan berpusatkan guru (Abd. Shatar, 2007; Bambang et al., 2012; Rahimah, 1998; Tan, 2008). Keadaan ini menyebabkan pandangan murid dalam menyelesaikan isu, masalah, konflik dan dilema moral yang dihadapi dalam kehidupan sebenar kurang diberi perhatian (Vishalache, 2009b) kerana guru hanya mengajar nilai-nilai moral mengikut cara dan kefahaman guru (Dan, 2012; LePage et al., 2011) walaupun pelbagai aktiviti berkumpulan dirancang di dalam dan luar kelas (Vishalache & Claiborne, 2012).

Dalam konteks permasalahan di atas, kecenderungan untuk mengajar nilai-nilai moral melalui pendekatan indoktrinasi dan berpusatkan guru telah mengakibatkan matlamat melahirkan murid Pendidikan Moral yang berakhlak mulia dan bermoral dipenuhi mengikut hasrat dan pemahaman guru ketika mengajar nilai-nilai moral dalam kelas (Dan, 2012; Wubbels, 2012). Kecenderungan menggunakan pendekatan indoktrinasi dan berpusatkan guru juga turut mengakibatkan kurangnya perhatian diberikan kepada kepelbagaian pandangan dan pemahaman murid tentang nilai-nilai moral yang boleh memberi kesan terhadap penerimaan nilai-nilai moral mereka (Wubbels, 2012).

Kepelbagaian latar belakang dan kepercayaan murid dalam konteks kelas Pendidikan Moral di Malaysia perlu diambil kira dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral kerana mereka terdiri daripada murid yang berbeza agama dan kepercayaan (Bambang et al., 2012). Hal ini kerana nilai-nilai moral yang disampaikan oleh guru khususnya dalam kelas Pendidikan Moral mungkin diterima dalam konteks yang berbeza akibat pengaruh latar belakang dan pengalaman hidup murid (Tan Bee Chu & Maridah, 2009). Tambahan pula, nilai-nilai moral yang mendasari amalan hidup seseorang adalah subjektif dan berbeza mengikut budaya dan kelompok masyarakat (Barni, Ranieri, Scabini, & Rosnati, 2011; Schwartz, 2007; Zajda, 2009). Oleh itu, pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan murid perlu difahami oleh guru kerana mengambil kira kemungkinan bahawa kepelbagaian latar belakang dan pengalaman hidup murid boleh memberikan perspektif yang berbeza terhadap fenomena tersebut.

### 1.1.2 Pendidikan Moral di Sabah

Nilai-nilai moral yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Moral telah diterima sebagai nilai-nilai yang universal sekaligus membantu murid untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat global. Salah satu aspek yang diberi perhatian adalah penerimaan nilai-nilai moral yang merupakan matlamat yang perlu dicapai dalam kurikulum Pendidikan Moral. Oleh itu, bagi memahami fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya secara menyeluruh dalam konteks Malaysia, kajian perlu mengambil kira kepelbagaian latar belakang pelajar Pendidikan Moral di Malaysia yang merangkumi negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Hal ini demikian kerana, kajian-kajian lepas masih kurang memberikan kefahaman yang jelas sama ada faktor ini mempengaruhi pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan murid.

Dalam konteks kepelbagaian latar belakang penduduk di Sabah, majoriti penduduk pribuminya adalah penganut agama Kristian sama seperti Sarawak. Keadaan ini berbeza dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia yang mempunyai majoriti penduduk bukan Islam beragama Buddha seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 sebelum ini. Selain itu, sifat dan kepentingan kepelbagaian etnik dalam kalangan penduduk pribumi di Sabah dan Sarawak sahaja yang masih berterusan dan mendapat pengiktirafan sosial dan politik yang ketara. Kepelbagaian etnik mereka tetap dipertahankan tanpa melalui proses penyeragaman budaya dan identiti etnik seperti yang berlaku dalam kalangan masyarakat tempatan di Semenanjung Malaysia (Kntayya & Paul, 2012). Jadual 2 di bawah menggambarkan pecahan etnik utama di Sabah yang melambangkan kepelbagaian latar belakang sosial dan pengalaman hidup murid.

**Jadual 2 : Penduduk Sabah Mengikut Pecahan Etnik dalam Banci 2010**

<b>Kategori Etnik</b>	<b>Bilangan</b>
Kadazan Dusun	568 575
Bajau	450 279
Melayu	184 197
Murut	102 393
Bumiputera	1 965 309
Bumiputera lain	659 865

**Sumber : Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010, hlm. 71**

Perbezaan ciri etnik antara Semenanjung Malaysia dan Sabah ini telah menjadi indikator utama kepada keperluan untuk menjalankan kajian di Sabah kerana kemungkinan murid Pendidikan Moral di Sabah boleh menggambarkan variasi dalam fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya berbanding kajian sebelumnya yang lebih tertumpu di kawasan Semenanjung Malaysia.



Keperluan untuk menjalankan kajian di Sabah juga turut disokong dengan data yang menunjukkan bahawa negeri Sabah tersenarai antara lima negeri di Malaysia yang mencatatkan bilangan pelajar dan guru Pendidikan Moral tingkatan empat dan lima yang paling ramai selepas negeri Selangor, Sarawak, Johor dan Perak. Maklumat berkaitan hal ini digambarkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3 : Bilangan guru dan pelajar Pendidikan Moral tingkatan empat dan lima mengikut negeri (Data seperti pada 30 Jun 2013)**

Negeri	BIL GURU PENDIDIKAN MORAL	Bil Pelajar Pendidikan Moral		JUMLAH PELAJAR
		Tingkatan 4	Tingkatan 5	
JOHOR	571	16,760	16,978	33,738
PERAK	557	14,842	14,532	29,374
<b>SABAH</b>	<b>617</b>	<b>14,364</b>	<b>14,084</b>	<b>28,448</b>
SARAWAK	671	25,004	24,074	49,078
SELANGOR	750	29,176	28,410	57,586
<b>KESELURUHAN</b>	<b>4,794</b>	<b>154,278</b>	<b>151,552</b>	<b>305,830</b>

**Sumber : Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013**

Statistik tersebut menggambarkan bahawa Sabah juga merupakan sebuah negeri yang perlu diberi perhatian sewajarnya dalam membincangkan kepentingan dan sumbangan mereka terhadap pelaksanaan P&P Pendidikan Moral di Malaysia. Sebagai salah sebuah negeri yang tergolong dalam kelompok teratas dari segi bilangan guru dan pelajar Pendidikan Moral di Malaysia, mereka juga boleh menjadi indikator kepada kemampuan Pendidikan Moral amnya dalam melahirkan murid yang mempunyai penghayatan nilai-nilai moral melalui proses memahami, menerima dan mengamalkan nilai-nilai moral.

Kesimpulannya, kajian khusus mengenai fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan pelajar Pendidikan Moral di Malaysia perlu dijalankan agar dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai hasrat PPPM dan Pendidikan Moral yang menginginkan murid menghayati nilai-nilai moral (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012) melalui pemahaman, penerimaan dan amalan nilai-nilai moral dalam kehidupan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Kajian mengenai fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya juga penting agar dapat mengurangkan kelemahan dalam proses P&P Pendidikan Moral.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan murid adalah penting kerana menjadi indikator kepada berlakunya penghayatan nilai-nilai moral dalam kalangan murid menerusi proses memahami, menerima dan mengamalkan nilai-nilai

moral dalam kehidupan (Bloom, Krathwohl, & Masia, 1973). Walaupun teori-teori utama tentang persekitaran seperti teori Bronfenbrenner (1994) dan Swartz (2010) menyatakan dengan jelas bahawa penghayatan nilai adalah hasil daripada interaksi dan hubungan yang kompleks antara individu dengan persekitaran, tetapi proses P&P nilai-nilai moral masih lagi berpusatkan guru. Hal ini kerana guru masih mengajar nilai-nilai moral mengikut kefahaman dan keinginan mereka (Dan, 2012; Wubbels, 2012) walaupun P&P secara kolaboratif (Vishalache & Claiborne, 2012; Vishalache, 2012) telah diimplementasi khususnya dalam konteks P&P Pendidikan Moral di Malaysia (Bambang et al., 2012). Keadaan ini menimbulkan ketidakpastian sama ada pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan murid benar-benar dicorakkan oleh persekitaran seperti latar belakang sosial dan pengalaman hidup mereka (Bronfenbrenner, 1994; Swartz, 2010; Swick & Williams, 2006).

Kajian kuantitatif yang dilaksanakan untuk memahami masalah berkaitan penghayatan nilai-nilai moral murid adalah dibuat berdasarkan andaian-andaian tertentu berkaitan aspek penaakulan moral, pendekatan P&P Pendidikan Moral serta amalan nilai-nilai moral (Aswati, 2007; Goh Lee Zea, Chai, & Gopal, 2006; Marshall et al., 2011) serta tinjauan terhadap sikap dan persepsi murid tentang Pendidikan Moral (Fauziah, 2007; Hassan, 2008). Namun, kebanyakan kajian ini kurang memberi gambaran lebih jelas terhadap ketidakpastian sama ada pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan murid adalah terbentuk daripada kepelbagaian latar belakang sosial dan pengalaman hidup murid (Vishalache, 2009b).

Tambahan pula, kajian kualitatif yang dibuat dalam usaha memahami masalah penghayatan nilai-nilai moral pula lebih dilihat dalam konteks penambahbaikan proses P&P secara spesifik dan kurang menyentuh fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya secara langsung (Vishalache, 2009a). Selain itu, kajian kualitatif yang dijalankan juga hanya melibatkan peserta kajian di Semenanjung Malaysia dan Sarawak sahaja sedangkan masalah yang sama juga wujud di Sabah berdasarkan dapatan kajian rintis yang dijalankan oleh pengkaji. Oleh itu, ketidakpastian tentang fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan murid khususnya di Sabah masih memerlukan penerokaan dan pemahaman dari perspektif murid itu sendiri kerana dapat memberi gambaran sebenar tentang fenomena yang dikaji (Williams & Gantt, 2012). Pemerihalannya dalam meneroka fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya adalah penting kerana lebih sesuai digunakan untuk meneroka fenomena yang berkaitan dengan pengalaman sebenar individu (Vinik, Johnston, Grusec, & Farrell, 2013).

Justeru, kajian ini perlu dijalankan untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada asas teori kajian ini yang melihat fenomena pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya adalah sesuatu yang terbentuk daripada latar belakang sosial dan pengalaman hidup murid. Dapatan kajian ini dapat membantu penelitian dijalankan terhadap kesesuaian pendekatan yang digunakan pada masa sekarang dalam pelaksanaan Pendidikan Moral di Malaysia termasuk amalan P&P Pendidikan Moral dalam kelas untuk murid yang mempunyai kepelbagaian pegangan nilai. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu guru untuk menjadi lebih peka kepada keperluan untuk memberikan perhatian kepada pemahaman dan penerimaan nilai-nilai moral murid

yang mempunyai kepelbagaian latar belakang sosial dan pengalaman hidup (Vishalache, 2009a).

### **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memerihalkan pemahaman nilai-nilai moral dan penerimaannya dalam kalangan pelajar Pendidikan Moral di sebuah sekolah menengah dalam konteks kepelbagaian latar belakang murid di Sabah. Untuk itu, kajian ini akan menjawab persoalan berikut:

- 1.3.1 Apakah yang difahami oleh murid tentang nilai-nilai moral dalam Pendidikan Moral?
- 1.3.2 Bagaimana penerimaan murid terhadap nilai-nilai moral dalam Pendidikan Moral?
- 1.3.3 Bagaimana nilai-nilai moral dalam Pendidikan Moral dihayati oleh murid dalam kehidupan seharian?

### **1.4 Signifikan Kajian**

